

MAJLIS PELANCARAN KERANGKA DASAR LUAR NEGERI 7 DISEMBER 2021

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri, telah menyempurnakan pelancaran Kerangka Dasar Luar Negeri yang bertajuk "Focus in Continuity: A Framework for Malaysia's Foreign Policy in a Post-Pandemic World" di Hotel Le Méridien, Kuala Lumpur, pada petang ini.

Majlis Pelancaran ini turut dihadiri oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri, YB Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Luar Negeri, ahli-ahli Parlimen termasuk anggota Jawatankuasa Pilihan Parlimen Hal Ehwal Antarabangsa, Ketua Setiausaha serta pengurusan tertinggi Kementerian Luar Negeri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Perwakilan Asing ke Malaysia, ahli-ahli Majlis Perundingan Mengenai Dasar Luar Negeri (CCFP), serta wakil daripada masyarakat madani (CSO) dan pemimpin pelajar.

Kerangka ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan dasar luar sedia ada diperkemaskan supaya ia sentiasa sejajar dengan perkembangan global dan tuntutan semasa, terutamanya cabaran yang timbul daripada pandemik COVID-19. Oleh itu, pendekatan dan penekanan yang baharu telah diberikan kepada isu-isu berikut:

- i. Menggiatkan Semula Hubungan Malaysia Di Dalam Ekonomi Global (Revitalise Malaysia's Links to the Global Economy);
- ii. Diplomasi Kesihatan (Health Diplomacy);
- iii. Ekonomi Digital (Digital Economy);
- iv. Keselamatan Siber (Cybersecurity);
- v. Diplomasi Kebudayaan (Cultural Diplomacy);
- vi. Falsafah Hidup Bersama Dalam Budaya Damai (Peaceful Coexistence);
- vii. Mendukung Prinsip Multilateralisme (Upholding Multilateralism); dan
- viii. Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals 2030 – SDGs).

Proses penggubalan Kerangka ini telah melibatkan pengemblengan idea, usaha dan tenaga pelbagai pihak, termasuk Kementerian / agensi Kerajaan, ahli-ahli CCFP, ahli-ahli Parlimen, serta wakil dari bidang akademik, perniagaan dan masyarakat madani. Pendekatan ini adalah selaras dengan pendekatan terbuka dan bersifat perundingan (syura) yang menunjangi pendekatan yang diamalkan oleh YB Menteri Luar Negeri di dalam proses penggubalan dan pengendalian dasar luar negeri.

Kerangka ini boleh diakses di laman web KLN di <https://fpm.kln.gov.my/>.

PUTRAJAYA
7 DISEMBER 2021